

Seri Paduka ketuai senarai penerima pingat

BH 30 MAR 2002

KOTA BHARU, Jumaat - Yang diPertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, mengetuai senarai 344 penerima anugerah kehormatan kebesaran negeri sempena ulang tahun ke-52 keputeraan Sultan Kelantan, esok.

Tuanku Syed Sirajuddin menerima Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (DK), Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga dianugerahkan DK.

Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu, Datuk Nik Hashim Nik Ab Rahman, menjadi penerima tunggal gelaran kebesaran Dato' Bentara Istana.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Tengku Shah Buddin Tengku Mohd Ma'asum, berkata istiadat pengurniaan DK kepada empat penerima akan berlangsung dalam majlis berasingan dan tarikhnya ditentukan kemudian.

"Seramai 154 penerima diketuai Nik Hashim menerima darjah kebesaran dalam istiadat di Istana Balai Besar, esok," katanya pada sidang akhbar, hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, dikurniakan Ahli Yang Kehormat Yang Pertama (Seri Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan (SJMK) manakala Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman dan Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd Shariff Omar, menerima

Darjah neoesaran Mahkota Kelantan (DPMK), membawa gelaran Datuk Paduka.

Antara penerima Ahli Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan (DJMK) ialah Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia, Senator Datuk Muhammad Abdul Ghani, Pengerusi Utama Banking Group Berhad, Nik Hashim Nik Yusoff, Pengarah Urusan Bank Kerjasama Rakyat Berhad, Datuk Dr Zainul Bahrin Datuk Mohd Zain, Pegawai Penyelidik Muzium Perbadanan Muzim Kelantan, Salleh Mohd Akib dan pesara, Rahmat Hussin.

Panglima 8 Briged, Brig Jen Ramli Harun, Asisten Panglima Tentera Udara (Material) Brig Jen Ali Nasiruddin Ibrahim dan Komander Grup Artileri Pertahanan Udara MK GAPU, Brig Jen Md Yusof Md Said pula dikurniakan Darjah Kebesaran Kesateria Mahkota Kelantan (DPKK) membawa gelaran Datuk Paduka.

Penerima Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan (DPSK) pula termasuk Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari) Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Abdul Latif Mohamad, Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Dr Zulkurnain Awang, Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti, Datuk Dr Adi Taha, Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, Ramli Abdul Rahman dan Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan negeri, Ramli Abdul Rahman.

Seramai 53 orang dianugerahkan Darjahdarjah Kebesaran negeri, termasuk Penasihat Pertahanan Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Pretoria, Afrika Selatan, Kol Abdullah Che Hamizah dianugerahkan Ahli Yang Ketiga (Taulan) Bagi Darjah Kebesaran Paduka Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (PMK).

Lima penerima Ahli Yang Ketiga (Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (PSK), termasuk Setiausaha Sulit Sultan Kelantan Nik Abdullah Nik Daud, Ketua Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri Tengku Mahmood Tengku Ismail dan Hakim Mahkamah Tinggi Svariah Negeri Kelantan Wan Yahya Wan Mamat.

Seramai 11 orang dianugerahkan Ahli Yang Keempat (Bentara) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (BSK) dan lima orang menerima Ahli Yang Kehormat Yang Keempat (Bentara) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (BSK), termasuk Ketua Jabatan Ketenteraman Awam/Ketua Trafik Polis Kelantan, Superintendan Alias Muhammad.

Seramai 24 orang dianugerahkan Ahli Yang Kelima (Ahli) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (ASK), lima menerima Ahli Yang Kehormat Yang Kelima (Ahli) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (ASK), 14 orang menerima Bintang Seri Mahkota Kelantan (SMK), Bintang Seri Kelantan (7) dan Bintang Ahli Kelantan (46).

Pada istiadat itu, Sultan Kelantan mengurniakan Jaksa Pendamai (JP) kepada empat penerima.

Baginda juga berkenan menganugerahkan pingat dan surat kepujian pada satu majlis lain di Istana Negeri, Kubang Kerian pada Mei.